



UNTUK EDARAN  
SEGERA

## SIARAN MEDIA

### **LATAT PERKENAL STRUKTUR GAJI BAHARU BERDASARKAN GAJI SARA HIDUP; TINGKATKAN PENDAPATAN KASAR BULANAN MINIMA KEPADA RM2,700**

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) hari ini mengumumkan struktur gaji baharu berdasarkan gaji sara hidup (*living wage*). Struktur baharu ini merangkumi langkah-langkah kewangan khusus untuk membantu kakitangan yang terkesan akibat tekanan kos sara hidup semasa yang diburukkan lagi oleh persekitaran ekonomi luaran.

Langkah-langkah tersebut, yang diluluskan oleh YB Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein baru-baru ini, adalah termasuk pelarasan skala gaji bagi membantu LTAT menjadi organisasi yang berdaya saing berdasarkan kadar pasaran untuk menarik bakat yang lebih berkualiti dan berkeupayaan untuk memberi nilai tambah kepada transformasi LTAT menjadi sebuah dana persaraan anggota Angkatan Tentera yang profesional.

Struktur gaji yang diperkemaskan dengan pelarasan gaji sara hidup yang relevan akan dapat membantu menangani kenaikan kos sara hidup; sebagai contoh, kadar gaji asas minima dinaikkan sebanyak 43 peratus, yang akan meningkatkan jumlah pendapatan kasar bulanan minima termasuk elaun gaji sara hidup sekurang-kurangnya kepada RM2,700.

Kakitangan juga akan menikmati pelarasan gaji pada kadar 10% bagi Eksekutif Kanan ke atas dan 12% bagi peringkat Eksekutif dan Bukan Eksekutif berdasarkan skala gaji yang baharu yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif Dato' Nazim Rahman mengucapkan terima kasih kepada Dato' Seri Hishammuddin di atas perhatian dan kelulusan yang telah diberikan dan ini adalah bukti keprihatinan LTAT dalam menjaga kebijakan setiap ahli dalam keluarga LTAT.

"Struktur gaji baharu ini adalah selaras dengan saranan Kerajaan untuk melaksanakan pembayaran gaji pada paras yang wajar berdasarkan kepada kajian pasaran semasa, struktur kos LTAT serta selaras dengan beberapa perbincangan yang telah dijalankan di antara pihak pengurusan dan kakitangan dalam beberapa bulan kebelakangan ini," katanya.

Dato' Nazim berkata, LTAT telah mengadakan pertemuan dengan kakitangan untuk mendapatkan pandangan mereka dan akan meneruskan usaha untuk memperkemaskan lagi gaji kakitangan secara progresif.

Menurutnya lagi, langkah-langkah baharu ini diharapkan akan dapat meningkatkan produktiviti dan prestasi kakitangan bagi memenuhi tanggungjawab LTAT untuk memberikan pulangan yang mampan dan berdaya saing kepada Anggota Tentera walaupun dalam persekitaran pelaburan yang mencabar.

Pihak pengurusan yakin bahawa seluruh keluarga LTAT akan terus bekerjasama untuk memberi sokongan dan komitmen sepenuhnya demi kecemerlangan dan kejayaan transformasi LTAT dan memastikan kesejahteraan Anggota Tentera terpelihara.

**LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA**  
**17 OKTOBER 2022**

## **Mengenai LTAT**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota Lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia serta anggota kerahan sukarela.

Di bawah skim LTAT, pencarum wajib dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT. Di bawah skim simpanan bagi pencarum sukarela, simpanan dibenarkan sekurang-kurangnya RM25 sebulan sehingga had maksimum RM2,000 sebulan.

LTAT menguruskan hampir RM9.7 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat Disember 2021, dengan portfolio pelaburan merangkumi pelbagai industri seperti pembangunan harta tanah, perladangan, farmaseutikal, perbankan dan urusniaga kewangan serta industri berat. LTAT menawarkan aplikasi MyWIRA yang memberi kemudahan kepada pencarum untuk mengakses akaun mereka di mana sahaja, pada bila-bila masa. Aplikasi MyWIRA ini adalah merupakan alternatif kepada platform atas talian sediada LTAT seperti e-Kiosks dan i-Wira.

## **PERHUBUNGAN MEDIA:**

Jabatan Komunikasi  
Lembaga Tabung Angkatan Tentera  
Tingkat 8, Bangunan LTAT  
Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur

E-mel: intcomms@ltat.org.my  
Laman web: [www.ltat.org.my](http://www.ltat.org.my)